

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (ISU)

TARIKH: 29 MAC 2018

MUKA SURAT: 26

[FOTO IHSAN BOMBA KELANTAN]

PROMOSI

## JBPM Kelantan edar 700 naskhah BH

**Kota Bharu:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan mengagihkan 700 naskhah akhbar BH kepada orang ramai di pekarangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), di sini, semalam.

Agihan itu bersempena Perisidangan dan Pameran Kebombaan Antarabangsa 2018 (IFCEM 2018), yang berlangsung di Petaling Jaya, Selangor, bermula kelmarin.

Pengarah JBPM Kelantan, Nazili Mahmood, berkata edaran itu dibuat bermula jam 10 pagi semalam dan dalam tempoh satu jam akhbar BH habis diedarkan kepada orang ramai.

"Kami mengambil inisiatif ini

bagi mendedahkan kepada orang ramai mengenai usaha JBPM dalam memperkasakan keselamatan kebombaan sejajar dengan perkembangan semasa.

### Dapat kerjasama FAMA

"Lokasi RTC dipilih kerana kawasan ini sentiasa dikunjungi ramai. Kami turut mendapat kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), yang menjalankan Pesta Orkid, Flora dan Herba, di sini, hari ini (semalam)," katanya ketika ditemui.

Selain pegawai bomba, agihan turut dilakukan oleh Pengarah FAMA Kelantan, Mohd Ariffin Awang.



**Pengunjung menunjukkan akhbar BH** yang diedar anggota JBPM Kelantan di pekarangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Kota Bharu, semalam.